

04 NOV 1999

NET-LINX-PELABURAN

NET-LINX NAK LABUR RM100 JUTA TUBUH HQ SERANTAU DI MSC

CYBERJAYA, 4 Nov (Bernama) -- Net-Linx Asia Pacific Sdn Bhd, sebuah syarikat berstatus MSC, akan melabur sebanyak RM100 juta dalam tempoh lima tahun yang akan datang untuk menubuhkan ibu pejabat serantaunya di Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia.

Presidennya, Holm Hallbauer, berkata Malaysia dipilih berbanding negara lain seperti Singapura, Thailand dan Indonesia serta Hong Kong kerana prasarannya yang baik serta persekitaran pro-perniagaan.

Bercakap sebelum pemeteraian perjanjian membeli 106 unit kondominium Cyber Heights Villa daripada Country Heights Holdings Bhd dengan harga RM32.26 juta, beliau berkata ibu pejabat di Malaysia itu akan melengkapkan pejabat serantau Net-Linx di Amerika Syarikat dan Eropah.

Permeterian itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, hari ini.

Hallbauer berkata syarikatnya menjangkakan fasa pertama cadangan pembinaan ibu pejabat Asia Pasifik itu akan siap sepenuhnya pada Julai 2001.

Net-Linx yang berpangkalan di Jerman adalah sebuah daripada syarikat pembekal sistem perisian bersepadu yang sedang berkembang pesat di dunia bagi industri periklanan, telekomunikasi, maklumat dan penerbitan direktori.

Hallbauer berkata syarikat induk yang berkembang 50 hingga 60 peratus setahun bercadang untuk disenarai awam dalam tempoh enam hingga 18 bulan lagi di Jerman.

Beliau menambah Net-Linx mempunyai saham AS100 juta (AS\$1=RM3.8) dalam pasaran perisian global yang bernilai AS\$50 bilion.

Beliau juga berkata syarikat itu berharap dapat menjalinkan hubungan perniagaan dengan syarikat berteknologi tinggi Malaysia dan atas alasan itu ia telah mengadakan kerjasama dengan Telekom Publication, cabang unit daripada Telekom Malaysia Bhd, untuk menerbitkan National Yellow Pages.

Cyber Heights Villa dijadualkan siap sepenuhnya menjelang akhir tahun depan dan disasarkan bagi eksekutif korporat yang bekerja di Cyberjaya.

-- BERNAMA

AD ZK MA